



PENGURUS (Korporat dan Komunikasi) Julie's, Lim Bee Bee (kanan) dan Benny Chia pada pelancaran Program 'Love Letter'.

Kuala Lumpur: Julie's Biscuits melancarkan kempen What's Your Love Letter atau Titipkan Luahan Kasih Anda bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk meluahkan perasaan kasih sayang dengan menghantar gambar ke laman sosial Facebook JuliesBiscuits.

Pengurus Pemasaran Julie's Biskut Benny Chia berkata, kempen kali kedua itu sempena sambutan Tahun Baru Cina yang akan berlangsung selama sebulan

bermula 1 hingga 31 Januari.

"Orang ramai boleh memuat naik gambar bersama orang tersayang ke Facebook JuliesBiscuits bersama coretan luahan kasih sayang.

"Kami berharap orang ramai untuk menghargai dan menikmati masa perjumpaan dengan keluarga.

"Julie's akan menghadiahkan 10 meja Jamuan Reunion sebagai hadiah kempen ini," katanya ketika ditemui di Balai Berita, di sini, semalam.

Benny berkata, pertama kali juga pada tahun ini, Julie's bekerjasama dengan AEON untuk terbabit dengan program tanggungjawab sosial syarikat (CSR) iaitu melancarkan tabung derma berserta Pokok Cinta (tree love) di 17 pusat belah itu bermula dari 13 Januari sehingga 24 Februari.

"Selain menderma mereka boleh meninggalkan mesej kepada orang tersayang untuk digantung di Pokok Cinta.

"Sumbangan yang dikutip akan disalurkan ke Malaysian AEON Foundation untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik," katanya yang turut meletakkan Pokok Cinta di sembilan syarikat media cetak dan stesen televisyen.

Mereka yang berminat, boleh mengunjungi Pokok Kasih di Pasaraya AEON terpilih dan untuk sebarang maklumat lanjut, sila kunjungi laman www.facebook.com atau JuliesBiscuits.